

Cadangan dan Komentar Penambahbaikan Pilihanraya

1. Pendaftaran Pengundi Automatik

- Sabah unik tidak seperti di Semenanjung dan Sarawak
- PATAI kpd PATAI (Pendatang Asing Tapi Ada IC) telah didaftarkan sebagai pengundi pada tahun 90an dalam usaha untuk menumbangkan PBS
- PATAI ini menjadi warganegara dan pengundi
- Anak-anak mereka juga mempunyai IC
- Justeru, pendaftaran pengundi automatik membolehkan PATAI ini menjadi pengundi sah
- Senarai pengundi perlu di bersihkan dengan menubuahkan RCI Siasatan PATAI terlebih dahulu
- Sekiranya senarai pengundi sudah dibersihkan 100% barulah sistem pendaftaran pengundi secara automatik boleh dilaksanakan.

2. Kerajaan Sementara semasa Parlimen atau DUN dibubarkan

- Sehingga keputusan pilihanraya di umumkan
- Ini bermaksud tiada kerajaan semasa pilihanraya sedang berlangsung
- Tiada satu pihak pun boleh menggunakan jentera kerajaan atau peruntukan utk tujuan merayu undi
- Tiada istilah “YOU HELP ME, I HELP YOU” – Rasuah!

3. Pembiayaan Kepada Parti Politik (Political Financing)

- Kerajaan yg sedia ada haruslah memberikan sejumlah peruntukan kpd SPR untuk membahagi-bahagikannya kpd parti-parti politik untuk maksud pilihanraya
- Jumlah peruntukan kpd setiap parti politik adalah berbeda berdasarkan kpd jumlah undi keseluruhan yang diperolehi semasa PRU sebelumnya
- Kalau meraih undi banyak maka banyaklah peruntukan yg diterima oleh parti politik tersebut

4. Undang-undang anti-Lompat

- Diperkenalkan bagi mengekang budaya Wakil Rakyat yg tidak memegang amanah rakyat yg mengundinya
- Boleh pindah parti dengan syarat mengosongkan kerusinya terlebih dahulu.
- Contoh kerajaan jatuh kerana AKTIVITI MELOMPAT KATAK-KATAK INI ialah Sabah dan Sarawak

5. Jumlah Kerusi Parlimen Di Sabah haruslah selari dengan semangat dan konsep penubuhan Persekutuan Malaysia 16 Sept 1963

- Konsep samarata dalam Persekutuan Malaysia, Sabah = Malaya = Sarawak
- Semasa Pembentukan Malaysia, Sabah = 16 kerusi MP, Sarawak = 24 kerusi MP, Singapore = 15 kerusi MP, Malaya = 104 MP. JUMLAH KESELURUHAN = 159 kerusi MP
- Semangat pembahagian kerusi pada masa itu = gabungan Sabah, Sarawak dan Singapore = 35% atau 55 kerusi MP

- Tahun 1965, Singapore ditendang keluar dari Persekutuan → kerusi Singapura
- Tahun 1974, persempadan baru kerusi MP di Malaya meningkat tp bagi Sabah dan Sarawak tiada perubahan
- Semangat penubuhan Malaysia hilang sudah
- Sekarang jumlah kerusi Sabah dan Sarawak ialah 56 kerusi iaitu 25% drpd jumlah 222 kerusi
- Cadangan supaya buat persempadanan baru dengan mengembalikan 35% daripada jumlah kerusi parlimen kpd Sabah dan Sarawak.
- Justeru, tambahkan kerusi parlimen daripada 222 kerusi sekarang kepada 256 kerusi, iaitu tambahan 34 kerusi baru menjadikan kerusi bagi Sabah dan Sarawak 90 kerusi MP.

6. Umur Minimum Pengundi

- Saya cadangkan diturunkan kepada 21 tahun sekarang kpd 18 tahun
- Saya yakin pada umur 18 tahun, mereka sudah boleh berfikir secara matang tentang apa yg terbaik utk negara justeru mereka haruslah di berikan peluang utk menentukan nasib dan halatuju negara melalui undi mereka
- Kebanyakan negara di dunia ini sudah pun mengamalkannya spt UK, USA, Belanda, Australia 18thn
- Negara-negara yg masih mengamalkan umur minimum pengundi 21 thn kebanyakannya adalah dari Afrika spt Gabon, Cameroon, Djibouti dan negara di Pasifik spt Fiji, Tonga dll.
- Takkanlah Malaysia mengikuti jejak negara-negara Afrika.

7. Liputan Media Awam

- Mestilah samarata diantara pembangkang dan kerajaan
- TV dan radio kerajaan spt RTM dan BERNAMA merupakan hak milik awam. Ini bererti ianya dibiayai oleh pembayar cukai tanpa mengira fahaman politik
- Di negara-negara maju demokrasi spt UK, USA, Australia dan Jepun → kedua-dua pihak pembangkang dan kerajaan mempunyai akses dan liputan media yg samarata.

Lain-lain cadangan:

1. Naikkan gaji MP – bebanan tugas meningkat dr masa ke semasa. Justeru, memerlukan lebih byk tenaga pembantu dan penyelidikan. Di Sabah, dengan keadaan geografinya yg luas kewangan yg kuat amat diperlukan utk memobilisasikan perkhidmatan.
2. Set kan umur untuk mereka yg menjadi calon – cthnya: 58 tahun ke bawah. Kalau lebih daripada itu, calon-calon mestilah mempunyai surat daripada doctor (MC report). Sedangkan kalau kita mohon perkerjaan di sector awam dan swasta mesti ada MC report spt X-ray dsbnya. Kita tidak mahu YB berkenaan meninggal dunia mengakibatkan berlakunya pilihanraya kecil. Ini hanya menghabiskan wang rakyat sahaja dan membuang masa.

PERBANDINGAN KELUASAN WILAYAH

DAERAH	KELUASAN(Sq,Km)	NEGERI	KELUASAN (Sq,Km)
BELURAN	7,709	SELANGOR	8,104
KINABATANGAN	6,604	N.SEMBILAN	6,686
SEMPORNA	1,145	PULAU PINANG	1,048
BEAUFORT	1,735	MELAKA	1,664
TONGOD	10,054	KEDAH	9,500

PERBANDINGAN KELUASAN PARLIMEN

PARLIMEN	KELUASAN(Sq,Km)	KOMBINASI NEGERI	KELUASAN (Sq,Km)
KUDAT	2,706	MELAKA + P.PINANG	2,712
KINABATANGAN	16,658	KELANTAN + MELAKA	16,763
PENSIANGAN	6,089	N.SEMBILAN	6,686

Keluasan Negeri-Negeri

Negeri	Keluasan (km persegi)	Kerusi Parlimen	Kerusi DUN	Populasi
Perlis	795	3	15	198,335
Kedah	9425	15	36	2 juta
P.Pinang	1056	13	40	
Perak	21,005	24	59	2,393,300
Selangor	7930.20	22	56	5,179,600
Neg. Sembilan	6657.09	8	36	1,013,900
Melaka	1652	6	28	769,300
Johor	18,986.88	26	56	3,385,200
Pahang	35,965	14	42	1,543,300
Terengganu	12,955	8	32	1.5juta
Kelantan	14,922	14	45	
Sabah	72,500	25	60	
Sarawak	131,598	21	71	
Kuala Lumpur	243.65	11		1,655,100
Labuan	91.64	1		89,000
Putrajaya	4932 hektar	1		

Sumber: <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/penafian/4.html>